



UNITED NATIONS  
MALAYSIA, SINGAPORE,  
BRUNEI DARUSSALAM



## LAPORAN PENCAPAIAN NEGARA PBB **MALAYSIA 2022**

Membolehkan Pembangunan Pascapandemik  
yang Mampan dan Terangkum di Malaysia





# Kandungan

Prakata Penyelaras Residen	02
Kenali Pasukan PBB di Malaysia	04
Bab 1 – Malaysia pada 2022	06
Bab 2 - Pencapaian Utama bagi 2022	08
2.1 Keutamaan Pasukan Negara PBB (UNCT) di Malaysia pada 2022	09
2.2 Pencapaian utama UNCT pada 2022	10
2.2.1 Pencapaian Utama 1: Memastikan golongan rentan tidak tertinggal	11
2.2.2 Pencapaian Utama 2: Menjamin pekerjaan yang baik dan ekonomi yang lebih saksama	15
2.2.3 Pencapaian Utama 3: Membantu Malaysia mentransformasikan perkhidmatan awam utama	19
2.2.4 Pencapaian Utama 4: Membolehkan tindakan iklim dan melindungi biodiversiti Malaysia	22
2.2.5 Pencapaian Utama 5: Menyokong Singapura dan Brunei untuk mengembalikan kemajuan SDG	27
2.2.6 Pencapaian Utama 6: Menyediakan sokongan pentadbiran serta bantuan kecemasan dan pembangunan di peringkat serantau dan global	29
2.3. Menyelaraskan, membina perkongsian dan menjamin sumber pembangunan	30
2.4. Kepaduan, Keberkesanan dan Kecekapan PBB	31
2.5. Penilaian dan Hasil Pembelajaran	32
2.6. Menggerakkan sumber untuk Malaysia	32
2.6.1 Gambaran Keseluruhan	32
2.6.2 Penggerakan Sumber Penderma	34
2.7. PBB di Malaysia – 2022 mengikut bilangan	36
Bab 3 – Keutamaan untuk 2023	39
3.1 UNSDCF 2021-2025	40
3.2 Pelan pelaksanaan agensi PBB untuk 2023 dan seterusnya	40
Akronim	41

# Prakata Penyelaras Residen

KARIMA EL KORRI  
Penyelaras Residen PBB

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu  
di Malaysia, Singapura dan Brunei



Tahun lalu merupakan tahun peralihan dan pembukaan semula, dan bagi Pasukan Negara PBB, perkara ini bermaksud membolehkan dan menyokong pemuliharaan daripada pandemik dan memastikan pembangunan yang mampan dan terangkum. Penamatan sekatan pandemik telah menyediakan banyak peluang kepada Malaysia untuk memajukan keutamaan pembangunannya, dan laporan ini mencerminkan usaha dan pencapaian 22 agensi PBB (9 residen dan 13 bukan residen) untuk menyokong pembangunan ini. Pembukaan semula Malaysia serta rangkaian rakan kongsi kami yang semakin pelbagai membolehkan peningkatan besar dalam pelaksanaan dan pembiayaan aktiviti PBB berbanding 2021.

Sepanjang 2022, usaha kami dibimbing oleh empat keutamaan strategik yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Kerjasama Pembangunan Mampan PBB - iaitu Manusia, Planet, Kemakmuran dan Keamanan. Pada tahun yang diselubungi oleh ketaktentuan ekonomi, PBB telah bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi strategik untuk memastikan golongan rentan tidak tertinggal, untuk membolehkan rakyat mendapat pekerjaan yang baik dalam ekonomi yang lebih saksama, membantu mentransformasikan perkhidmatan kesihatan awam dan pendidikan Malaysia; dan untuk membolehkan tindakan iklim dan melindungi biodiversiti.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu didorong terutamanya oleh tumpuan Kerajaan bagi menangani cabaran pembangunan dan alam sekitar jangka panjang Malaysia, seperti yang ditunjukkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas dan komitmennya untuk menggalakkan keterangkuman dan kelestarian alam sekitar. Ucapan Belanjawan 2023 pada bulan Oktober memperuntukkan dana yang lebih besar untuk perlindungan alam sekitar, dan penyertaan Malaysia di COP27 (Persidangan Perubahan Iklim ke-27) pada bulan November menyampaikan tindak balas dasar yang kukuh terhadap pengurangan dan penyesuaian.

Pada waktu-waktu yang mencabar ini, kami ingin mencapai kejayaan - melalui pengetahuan, kepakaran, komitmen dan rakan kongsi kami. Kami juga kekal komited untuk melakukan lebih lagi sambil kami berusaha untuk membantu mencapai SDG (Matlamat Pembangunan Mampan) dan membolehkan hasil pembangunan yang positif.

Pejabat Penyelaras Residen (UN RCO) dan juga beberapa agensi PBB mempunyai mandat berbilang negara di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam. Oleh itu, laporan ini juga meliputi gambaran keseluruhan usaha PBB di Singapura dan Brunei Darussalam. PBB akan terus bekerjasama dengan ketiga-tiga negara ini yang sedang pulih daripada pandemik, menggalakkan pembangunan mampan, menggerakkan pembiayaan SDG dan membuat kemajuan supaya tiada sesiapa yang tertinggal.

# Kenali Pasukan PBB di Malaysia



UNITED NATIONS  
MALAYSIA, SINGAPORE,  
BRUNEI DARUSSALAM



## Agensi Residen



## Agensi Bukan Residen



## Pusat Global dan Serantau



# PBB di Malaysia



KARIMA EL KORRI  
PBB  
Penyelaras Residen



NILOY BANERJEE  
UNDP  
Wakil Residen



RASHED MUSTAFA  
UNICEF  
Wakil



DR. RABINDRA ABEYASINGHE  
WHO  
Wakil



THOMAS ALBRECHT  
UNHCR  
Wakil



ASA TORKELSSON  
UNFPA  
Wakil



KENDRA RINAS  
IOM  
Ketua Misi



RAJAT KHOSLA  
UNU  
Pengarah UNU-IIGH



PANNUDA BOONPALA  
ILO  
Penolong Pengarah Serantau



JASPREET SINGH  
UNCDF  
Pakar Teknikal Serantau



SRINIVASA POPURI  
UN-Habitat  
Ketua, Pejabat Program Bangkok



STEIN HANSEN  
UNDO  
Pengarah Serantau



ISABELLE LOUIS  
UNEP  
Penolong Pengarah Serantau



MOHAMED DJELID  
UNESCO  
Wakil



CYNTHIA VELIKO  
OHCHR  
Pengarah Serantau



SARAH KNIBBS  
UN Women  
Pemangku Pengarah Serantau



JEREMY DOUGLAS  
UNODC  
Wakil Serantau



MARCO TOSCANO-RIVALTA  
UNDRR  
Ketua, Pejabat Serantau



PATRICIA ONGPIN  
UNAIDS  
Pengarah Negara



SYLVIE BETEMPS  
ITC  
Pegawai Kanan Promosi  
Perdagangan



ATSUKO OKUDA  
ITU  
Pengarah Serantau



YANN KERVINIO  
WHO  
Pengarah Pusat Khidmat  
Global



SUMALEE STERUP-HANSEN  
WFP UNHRD  
Ketua



VITALIE MUNTEAN  
UNDP  
Pengarah Unit Khidmat  
Perkongsian Global



JOAN SAWE  
UNU  
Pengarah Pentadbiran

# Rakan Kongsi Pembangunan Utama

PBB di Malaysia bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia, organisasi pembangunan antarabangsa serta kerajaan penderma dan agensi pembangunan. Kami menghargai sokongan mereka terhadap usaha kami untuk menggalakkan pembangunan mampan di Malaysia.



Kerajaan  
Malaysia



Kerajaan  
New Zealand



Kerajaan  
Amerika Syarikat



Kerajaan  
Jerman



Kesatuan Eropah



Kerajaan  
Denmark



Kerajaan  
Kanada



Kerajaan  
Norway



Kerajaan  
United Kingdom



Kerajaan  
Switzerland



Kerajaan  
Australia



Kerajaan  
Qatar



Kerajaan  
Jepun



Kemudahan  
Alam Sekitar Global



Kerajaan  
Sweden

Kami juga ingin berterima kasih atas sokongan Kerajaan Malaysia, termasuk Kementerian Ekonomi, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Majlis Keselamatan Negara serta kerajaan negeri dan tempatan.

## Bab 1

# MALAYSIA PADA 2022



# Malaysia pada 2022

2022 merupakan tahun pembukaan semula dan perubahan bagi Malaysia. Sekatan sempadan telah ditamatkan, universiti menyambut kepulangan pelajar ke kampus, Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia disambut dengan penuh meriah, serta bazar Ramadan dan pasar malam kembali sibuk seperti sebelum pandemik. Paling penting, Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15 telah diadakan pada bulan November dan membawa perubahan besar ke dalam landskap politik. Buat kali pertama dalam sejarah, tiada gabungan parti mendapat majoriti untuk membentuk kerajaan. Selepas rundingan antara parti politik, kata sepakat dicapai dan kerajaan perpaduan dibentuk, dengan Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-10. Kesepakatan ini dicapai selepas ketakstabilan politik yang berpanjangan selama tiga tahun, dan menawarkan prospek bagi tempoh pemerintahan yang lebih pasti dan terjamin.

Ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi yang baik pada 2022, dengan pertumbuhan pulih kepada 8.7% walaupun terdapat beberapa halangan luar yang teruk, termasuk kesesakan bekalan pascaCovid dan konflik di Ukraine, yang telah meningkatkan inflasi harga dan melambatkan pemulihan global. Malaysia mendapat manfaat daripada kedudukannya sebagai pengeluar utama minyak dan gas serta kepentingannya dalam rantaian bekalan pengeluaran antarabangsa. Perdagangan menjadi penyumbang utama kepada pemulihan, dengan jumlah import dan eksport meningkat kepada rekod tertinggi sebanyak 27.8%, atau 2.8 trillion ringgit pada 2022. Kadar pengangguran juga berkurang kepada 3.6% pada penghujung 2022, tetapi angka ini masih lebih tinggi berbanding kadar sebelum pandemik, terutamanya dalam kalangan wanita. Selain itu, pengangguran dalam kalangan belia kekal tinggi pada 12.8% dan pekerja berpendapatan rendah berdepan dengan risiko yang tinggi<sup>1</sup>. Walaupun rakyat Malaysia berdepan dengan harga yang tinggi, terutamanya untuk makanan, pengekalan subsidi dan kawalan harga ke atas bahan api dan barang keperluan asas telah memastikan inflasi keseluruhan kekal rendah berbanding tempat lain, dengan Indeks Harga Pengguna berlegar sekitar 3.3% pada 2022.



Walau bagaimanapun, pemulihan ekonomi tidak begitu sekata antara sektor, kumpulan dan rantau, dan beberapa kekurangan sosial (dalam persekolahan, penjagaan kesihatan dan pemakanan, terutamanya untuk kanak-kanak) mungkin kekal daripada tahun-tahun pandemik. Kerajaan terdahulu dan semasa telah berusaha untuk menangani cabaran ini - dengan mengekalkan sokongan pendapatan dan langkah pekerjaan, mengutamakan belanjawan kesihatan dan pendidikan, dan dengan meningkatkan pelaburan pembangunan di luar negeri teras. Namun begitu, keadaan beberapa golongan rentan - terutamanya mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal, termasuk migran - mungkin kekal mencabar.


Malaysia juga terus terjejas oleh kesan perubahan iklim, contoh terbaik ialah peristiwa banjir buruk yang berlaku sepanjang tahun. Kerajaan telah mengiktiraf isu ini dengan menyokong pendapatan mangsa yang terjejas dan mengumumkan pelaburan baharu dalam infrastruktur yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim. Kerajaan juga telah membaharui komitmen sifar bersihnya menjelang 2050 (dibuat di COP26) dengan tindak balas dasar yang lebih hebat terhadap pengurangan dan penyesuaian di COP27. Pelaburan berterusan adalah penting untuk memenuhi komitmen Malaysia bagi mengurangkan pelepasan dan memastikan ketahanan terhadap kesan buruk perubahan iklim.

Pertumbuhan Malaysia yang kembali kukuh dan kestabilan politik yang dibaharui menyediakan peluang baharu untuk memanfaatkan pemulihan yang mampan dan terangkum daripada pandemik. PBB di Malaysia sentiasa bersedia menyokong kerajaan baharu untuk melaksanakan penambahbaikan berkekalan demi mencapai SDG, terutamanya bagi golongan dan bidang yang cenderung tertinggal.

## Bab 2

---

# Pencapaian Utama bagi 2022



## 2.1

# Keutamaan Pasukan Negara PBB (UNCT) di Malaysia pada 2022

PBB di Malaysia beroperasi di bawah Rangka Kerja Kerjasama Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2021-2025 (UNSDCF). UNSDCF disempurnakan pada 2020 dan kini dalam proses mendapatkan perakuan rasmi, tetapi rangka kerja ini telah menjadi dokumen panduan de facto sejak 2021 untuk kerja-kerja PBB di Malaysia.




Ketika negara bangkit daripada pandemik dan pemulihan semakin pesat, dan ketika Malaysia berdepan cabaran baharu, UNCT terus fokus kepada pencapaian SDG dan pembangunan mampan jangka panjang. Di bawah **empat keutamaan** - **Manusia**, **Kemakmuran**, **Planet** dan **Keamanan**, usaha UNSDCF mencerminkan tumpuan PBB pada janji '**tiada yang tertinggal**'; bagi menambah baik keadaan golongan rentan, mencari penyelesaian untuk menangani kecemasan iklim; dan menggalakkan tadbir urus yang baik.

## 2.2

# Pencapaian utama UNCT pada 2022

Laporan ini merumuskan pencapaian utama PBB di Malaysia:



Pencapaian yang dilaporkan menggambarkan sumbangan utama PBB terhadap pembangunan mampan dan terangkum, dan terhadap kerjasama dengan Kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan akademia untuk membangunkan dan melaksanakan penyelesaian. Laporan ini juga menunjukkan pelbagai aspek kerja PBB ketika PBB berusaha untuk menggalakkan penyelarasan yang lebih baik antara pihak berkepentingan dan menambah baik hasil untuk semua demi mencapai SDG. Usaha ini melibatkan sokongan dasar yang merangkumi tenaga bersih, perlindungan alam sekitar, pemerkasaan wanita, penuaan, pengawalseliaan mata wang kripto, pengurusan sisa dan reformasi penjagaan kesihatan.

## 2.2.1



Agenensi Penyumbang



### PENCAPAIAN UTAMA 1

## Memastikan golongan rentan tidak tertinggal



Pemansuhan sekatan pandemik telah menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada penduduk rentan di Malaysia untuk mengembalikan mata pencarian mereka. Langkah ini juga membolehkan pekerja asing memasuki Malaysia semula melalui saluran biasa dan membantu dalam sektor yang bergantung pada buruh migran. Penyediaan bekalan buruh merupakan rangsangan utama kepada ekonomi.

Pada 2022, Malaysia menjadi tuan rumah kepada kira-kira **2 juta** pekerja migran berdokumen dan lebih daripada **182,000** pelarian. Walaupun sukar untuk dianggarkan, berkemungkinan terdapat lebih ramai pekerja migran tidak berdokumen. Golongan ini bekerja dalam pelbagai sektor, termasuk pengeluaran, tugas domestik, pertanian dan sektor perkhidmatan, dan mungkin merangkumi kira-kira **20%** daripada keseluruhan tenaga kerja.



**83,772**

pelarian dan pencari suaka membaikarui dokumen UNHCR mereka



**9,451**

pelarian dihantar untuk penempatan semula dinegara ketiga (berbanding 2,677 pada 2021)



Lebih **4,300**

pelarian ditempatkan semula di negara ketiga (berbanding 1,183 pada 2021)

## Lebih daripada 4,300 pelarian meninggalkan Malaysia ke 10 negara, dan 83,772 daripada mereka telah membaikarui dokumen UNHCR.

Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM) dan Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian (UNHCR) terus membantu golongan rentan termasuk pekerja migran, pencari suaka dan pelarian, serta memupuk kewujudan bersama yang aman antara pelarian dengan komuniti tuan rumah. Dalam tempoh setahun, lebih 8,600 keputusan dibuat untuk menentukan status pelarian pemohon. Berikutnya usaha pihak Kerajaan untuk membangunkan rangka kerja perlindungan pelarian, penempatan semula yang ditawarkan kepada pelarian di Malaysia juga meningkat dengan ketara. Pembukaan semula sempadan antarabangsa membantu penempatan semula pelarian di negara ketiga. UNHCR menghantar 9,451 pelarian untuk penempatan semula di negara ketiga pada 2022 (meningkat daripada 2,677 pada 2021).

Pelarian yang terdiri daripada 21 kewarganegaraan, ditempatkan semula di luar negara hasil kerjasama rapat antara PBB, Jabatan Imigresen Malaysia dan kerajaan di negara penerima. Penempatan ini termasuk 6 pelarian yang dihantar ke Filipina buat kali pertama atas biasiswa universiti penuh. Hasil usaha ini, individu rentan, termasuk mereka yang mempunyai keadaan kesihatan yang ketara, dapat memulakan hidup baharu di negara tuan rumah yang menawarkan akses kepada penjagaan kesihatan, pekerjaan, pendidikan formal dan laluan untuk mendapatkan kewarganegaraan.



## Memberikan bantuan langsung kepada 4,200 migran, latihan kebersihan dan kit kebersihan kepada 1,700 pelarian dan mendidik 3,054 pelajar daripada golongan pelarian dan migran tentang pemerdagangan manusia dan migrasi selamat

IOM memberikan bantuan langsung kepada migran rentan yang terjejas oleh Covid-19 melalui perkongsian dengan empat organisasi masyarakat sivil. Bantuan ini termasuk bantuan sewaan, makanan, latihan dalam aktiviti penjanaan pendapatan dan pengagihan barang bukan makanan.

IOM juga bekerjasama dengan NGO, organisasi berdasarkan komuniti, ketua komuniti dan sekolah pelarian untuk mendidik para pelarian tentang kepentingan amalan kebersihan diri. Mereka juga menerima kit kebersihan yang termasuk kelengkapan dandanan diri, pelitup muka dan pensanitasi tangan untuk melindungi mereka daripada Covid-19.

“  
Alhamdulillah, kit kesihatan dan kebersihan sangat berguna kepada komuniti kami, ketika kami beralih kepada pemulihan dan mengekalkan kesihatan yang baik.

- kata Ustaz Arafat, pengetua Al-Ikhlas Hope Society – salah seorang daripada penerima bantuan IOM melalui pembiayaan daripada EU.

”

Bagi memastikan pelarian dan migran kanak-kanak diajar tentang migrasi selamat dan pemerdagangan manusia, UNICEF bekerjasama dengan sebuah NGO untuk menjangkau 60 sekolah di seluruh negara. Modul bengkel yang dijalankan bersama anak-anak ini diulangi di sekolah dan pusat pembelajaran komuniti lain, dengan kerjasama sektor swasta.

## Mengubah naratif migrasi melalui makanan – Dari Dapur

Pada bulan Disember, OHCHR melancarkan kempen Dari Dapur untuk membina naratif berdasarkan hak asasi manusia dan menggalakkan budaya mengalu-alukan migran ke Malaysia melalui makanan untuk mewujudkan titik persamaan dan ruang yang selamat bagi mencorak semula dialog tentang migrasi. Kempen ini membawakan kempen global #StandUp4Migrants OHCHR untuk berkongsi kisah baharu tentang migrasi di Malaysia - harapan dan nilai yang dikongsi - dengan berbual sambil menikmati makanan dari tanah air mereka, contohnya daging bakar gaya Kachin, sup kaki lembu Indonesia dan Musakhan Palestin.



“  
Kini saya sangat selesa bekerja, kerana saya boleh membayar semuanya tepat pada masanya, berjalan bersama anak saya dan membeli barang keperluan untuk rumah saya. Saya benar-benar tenang sekarang. Saya tahu bahawa segalanya sukar, tetapi keadaan sekarang lebih baik daripada sebelum ini.

- Fatih, seorang tukang masak di rumah dari Syria, menceritakan pengalamannya sebagai peserta kempen Dari Dapur. Dia menerima kunjungan ahli politik dan aktivis Nurul Izzah sebagai sebahagian daripada kempen Dari Dapur, yang kemudiannya membantu Fatih mendirikan gerai untuk menjual makanannya.

”

“  
Kami jarang dapat membuat keraian di sini. Biasanya kami hanya bekerja senyap-senyap di ladang, kami tidak keluar kerana takut. Tetapi hari ini, apabila ada orang datang melawat saya untuk melihat saya dan rakan-rakan saya, saya berasa sangat gembira!

- Liza, pekerja ladang dari Kemboja, apabila ditanya tentang perasaannya selepas pimpengaruh makanan di Instagram, Elvi dan pelawak Kavin Jay datang melawatnya di ladangnya.

”

## **Latihan tahap tinggi diberikan kepada lima jabatan kerajaan tentang penguatkuasaan undang-undang dan perlindungan golongan rentan**

UNHCR menyediakan latihan tahap tinggi kepada pegawai kerajaan tentang topik perlindungan pelarian. Latihan ini termasuk komponen e-pembelajaran tentang prinsip perlindungan pelarian dan juga latihan bersempua bersama pegawai UNHCR untuk membolehkan mereka belajar daripada aktiviti harian mereka tentang perlindungan dan penentuan status pelarian. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kapasiti pegawai kerajaan dalam pembangunan rangka kerja suaka kebangsaan yang berpotensi.

IOM, dengan kerjasama Majlis Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran mengadakan dua sesi latihan lanjutan untuk pegawai penguat kuasa undang-undang untuk mencegah pemerdagangan manusia. Lebih daripada 40 pegawai penguat kuasa dilatih dalam dua sesi yang berlangsung selama dua hari di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang tentang strategi penguatkuasaan undang-undang yang praktikal dan proaktif serta teknik siasatan yang rumit dengan tumpuan pada kerjasama siasatan dan antara agensi. Panduan latihan untuk menyokong pakar bantuan mangsa yang berfungsi sebagai penghubung antara pegawai penguat kuasa dengan mangsa pemerdagangan yang berpotensi juga telah dibangunkan oleh IOM dan agensi kerajaan utama.

UNODC bekerjasama dengan pegawai penguat kuasa undang-undang untuk memperkuuh dasar, strategi dan rangka kerja perundangan, melatih lebih daripada 40 pegawai penguat kuasa undang-undang untuk menangani penyeludupan migran melalui jalan laut, dan lapan pelatih Jabatan Imigresen dalam penyiasatan pemerdagangan dan penyeludupan migran.

Sebagai sebahagian daripada Program Reformasi Penjara UNODC, agensi ini bekerjasama dengan Jabatan Penjara Malaysia dalam pembangunan dasar, penyediaan peralatan dan penganjuran bengkel dan latihan. UNODC juga membekalkan 20,000 kit ujian Covid-19 dan 5,000 pakaian pelindung diri kepada Jabatan tersebut.

UNDP juga bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk menjalankan dan menerbitkan kajian tentang prinsip dan amalan pendapatan asas sementara di Sarawak. Usaha ini menunjukkan bahawa program kerajaan negeri telah memberikan manfaat kepada kira-kira 2.4 juta rakyat Sarawak.

Pada bulan Oktober, UNDP dan OHCHR menyediakan sokongan teknikal dan nasihat kepada SUHAKAM untuk menjalankan dua hari rundingan tentang Penilaian Garis Dasar Perniagaan dan Hak Asasi Manusia Kebangsaan untuk Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Sabah dan Sarawak. Hasilnya, sekurang-kurangnya 40 individu, termasuk wakil daripada komuniti orang asli, orang kurang upaya, wanita dan pejuang hak asasi manusia, serta pakar akademik, dapat menyertai dialog bermakna dengan berbilang pihak berkepentingan, membincangkan isu hak asasi manusia dan keimbangan dalam aktiviti perniagaan dan mencadangkan penyelesaian.



**9,318**

penduduk terpencil  
di Sabah divaksinasi



**28,000**

vaksinasi Covid diberikan  
oleh PBB di pusat IOM

## **Lebih daripada 37,000 vaksinasi diberi kepada kumpulan rentan**

6,475 pelarian menjalani pemeriksaan kesihatan di pusat IOM di Malaysia, dengan 28,000 vaksinasi Covid diberikan kepada pelarian dan penduduk tempatan. WHO juga memvaksinasi 9,318 orang melalui kempen vaksinasi kawasan terpencil Sabah untuk memastikan capaian penuh.

## **Membolehkan peningkatan dalam liputan rawatan HIV kepada 71.8%**

UNAIDS menyenggarakan penyediaan perkhidmatan HIV untuk pelarian dan pencari suaka di seluruh Malaysia. Pada 2022, terdapat 280 orang berisiko yang menghidap HIV, dengan 201 daripada mereka menerima terapi antiretrovirus (ART). Dana bersama PBB menyokong pemberian ubat ART kepada 138 orang. Langkah ini memainkan peranan untuk meningkatkan liputan rawatan HIV daripada 68.5% pada 2021 kepada 71.8% pada 2022. Usaha PBB juga menyumbang kepada penghapusan jangkitan HIV ibu kepada anak di Malaysia sejak 2017.

## 2.2.2



Agenisy Penyumbang



### PENCAPAIAN UTAMA 2

# Menjamin pekerjaan yang baik dan ekonomi yang lebih saksama

UNCT di Malaysia terus bekerja untuk memastikan tiada sesiapa tertinggal selepas pemuliharan Covid-19. Projek dijalankan untuk memperkasa segmen masyarakat yang dipinggirkan dari segi ekonomi, contohnya mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal, migran, wanita, orang muda dan kumpulan orang asli.

#### Memastikan penghapusan amalan buruh paksa melalui peningkatan kesedaran, latihan dan penyelidikan

ILO bekerjasama dengan pegawai penguat kuasa undang-undang untuk menghentikan amalan buruh paksa dan pemerdagangan manusia melalui:

Pembangunan dan penerbitan Manual Fasilitator tentang Pemeriksaan Buruh, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa dan Diskriminasi dan Keganasan Berdasarkan Gender (untuk pemeriksa buruh).

Latihan kepada 16 pemeriksa buruh daripada Kementerian Sumber Manusia dan 37 wakil kerajaan daripada Kementerian Sumber Manusia di Sabah dalam dasar dan tindak balas amalan terbaik terhadap buruh paksa.



PBB komited untuk memerangi amalan buruh kanak-kanak, dan untuk menggalakkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada semua. ILO melatih 253 rakan kongsi sektor swasta di lima negeri dalam Pencegahan Gangguan di tempat kerja, manakala 110 pekerja migran menerima latihan di dua negeri tentang hak asas buruh dan Pencegahan Gangguan Seksual di tempat kerja.

IOM terus berusaha untuk mereka bentuk dan menyepadukan orientasi prapelepasan, orientasi prapekerjaan dan alat orientasi pascaketibaan yang seragam dan berdasarkan hak asasi manusia bagi pekerja Indonesia dan Nepal yang berhijrah ke Malaysia untuk bekerja dalam rantai bekalan elektronik. Kurikulum direka untuk pelatih di pusat sumber migran tempatan, dan organisasi masyarakat sivil di Nepal dan Indonesia yang mengadakan sesi orientasi kepada pekerja migran.

IOM juga melengkapkan satu pemetaan proses migrasi buruh untuk sebuah syarikat makanan tempatan. Penilaian ini melibatkan pemetaan dan temu duga dengan 30 pekerja lelaki, termasuk migran dalaman dari Sabah, serta migran dari India, Myanmar and Nepal. Pemetaan ini menyebabkan syarikat menyepadukan saranan IOM ke dalam dasar pengambilan pekerjanya, lalu menjajarkan dasar ini dengan standard antarabangsa tentang pengambilan pekerja yang beretika. Hasilnya dihimpunkan dalam sebuah laporan untuk menyampaikan dasar syarikat pada masa hadapan dengan lebih lanjut untuk menangani jurang dalam amalan pengambilan dan penggajian yang digunakan untuk pekerja migran.



**1,412 pelatih menerima latihan kemahiran sedia bekerja untuk meningkatkan potensi pendapatan mereka dan menjamin mata pencarian mereka, dengan STEM disepadukan ke dalam program latihan**

PBB di Malaysia terus menggalakkan peluang kepada semua orang untuk mengaktifkan potensi pendapatan mereka dan membolehkan pencapaian SDG8. Sebagai sebahagian daripada program Kemahiran untuk Kemakmuran, ILO mempromosikan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) untuk meningkatkan kebolehpasaran pencari kerja. Lebih daripada 50% pelatih merupakan wanita dan dilatih oleh enam institusi latihan untuk meningkatkan potensi pendapatan pekerja dan menyokong pembangunan ekonomi tempatan. Selain itu, 10 program rintis untuk menyepadukan kemahiran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) ke dalam kurikulum latihan berjaya disempurnakan.



## Memperkasa orang asli di enam negeri untuk menambah baik pilihan mata pencarian mereka melalui projek yang diterajui komuniti dan membina kemahiran keusahawanan bagi belia orang asli

UNDP berusaha untuk melatih dan memperkasa komuniti orang asli supaya memperoleh mata pencarian yang mampan dengan bekerja pada peringkat akar umbi. Projek Kemudahan Geran Orang Asli melibatkan dan memberikan manfaat kepada kira-kira 2,600 orang asli merentas enam negeri melalui geran yang diberikan oleh NGO. Geran ini diberikan untuk projek yang diterajui komuniti berkenaan dengan organisasi komuniti, penambahbaikan pendapatan isi rumah, peningkatan kemahiran digital, pemasaran produk dan penyediaan peranti digital. Inisiatif ini dikreditkan sebagai bantuan hayat komuniti yang penting semasa pandemik dan mengukuhkan perpaduan komuniti. Usaha ini telah meningkatkan pemahaman tentang bantuan sosial dan akan membolehkan UNDP menyediakan bantuan teknikal bagi penggubalan dasar yang direka khas untuk komuniti orang asli.

Dengan kerjasama kerajaan, UNICEF menyediakan latihan kemahiran untuk 57 belia orang asli yang terpinggir dalam kesihatan mental, keusahawanan dan pembelajaran. Dua projek telah dibangunkan di bengkel tersebut dan akan dibiayai oleh kerajaan negeri.



## Menyaksikan manfaat ekonomi ekoran daripada pelaburan dalam kesihatan seksual dan reproduktif

Sebuah kajian penyelidikan utama – “Enhancing Human Capital Through Sexual and Reproductive Health Investments & Family Support Policies in Malaysia” telah disediakan dan diterbitkan secara bersama oleh UNFPA, Kementerian Ekonomi dan Universiti Harvard. Dilancarkan ketika Forum Wanita dan Gadis Malaysia 2022, kajian ini mengukur pulangan ketara daripada pelaburan dalam perkhidmatan kesihatan seksual dan reproduktif buat kali pertama di Malaysia. Analisis kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan seksualiti yang menyeluruh, vaksinasi dan saringan HPV, perancangan keluarga dan dasar sokongan keluarga boleh menyumbang kepada, terutamanya melalui kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang lebih tinggi, keuntungan ekonomi sebenar yang berjumlah sehingga 0.16% daripada KDNK<sup>2</sup>.



<sup>2</sup>Enhancing Human Capital Through Sexual and Reproductive Health Investments & Family Support Policies in Malaysia (2022). hlm. 48.

## Makmal mata wang kripto pertama di Asia Tenggara dilancarkan bersama dengan Polis Diraja Malaysia

UNODC bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia untuk menyampaikan sumbangan besar kepada kapasiti negara untuk membanteras jenayah berkaitan dengan mata wang kripto. Hal ini termasuk:

Penubuhan makmal analisis mata wang kripto pertama di ASEAN bersama dengan Polis Diraja Malaysia.

Melatih 135 pegawai penguat kuasa undang-undang, pendakwa, hakim dan pegawai penguat kuasa undang-undang lain yang berkenaan yang terlibat dalam kawal selia mata wang kripto. Latihan ini meningkatkan kemahiran mereka dalam jenis jenayah baharu dengan tumpuan pada penggunaan bukti digital.



## USD 2.5 juta dimanfaatkan oleh syarikat pemula yang mampan melalui program Pengukuran dan Pengurusan Impak (IMM)

Program IMM dilaksanakan oleh UNDP untuk 50 pengasas dan pengasas bersama syarikat pemula tempatan. Pemecut Usaha Niaga Impak Sosial telah membantu melatih dan membina 25 syarikat pemula yang menawarkan penyelesaian kepada cabaran SDG. Syarikat pemula yang mengambil bahagian melaporkan pemahaman dan penggunaan kaedah IMM yang lebih baik berkaitan dengan pengurusan dan pertumbuhan perniagaan serta akses kepada modal baharu. Penjejakan dalaman menunjukkan bahawa latihan itu membolehkan mereka mengubah pelaburan sebanyak USD 2.5 juta kepada usaha niaga yang mampan.

## Projek Bersama INFF melaksanakan output draf utama termasuk Penilaian Kewangan Pembangunan (DFA) dan mempengaruhi penggubalan dasar pembiayaan SDG pada tahap tertinggi

Perkongsian PBB dengan Kementerian Kewangan tentang Pembiayaan SDG, yang diterajui oleh UNDP di bawah naungan Projek Bersama Rangka Kerja Pembiayaan Nasional Bersepadu, membawa kepada pembangunan DFA dan meneruskan usaha ke atas garis panduan utama yang lain. Draf DFA ialah penerbitan yang besar sebanyak dua jilid. Disediakan sebagai menyambut pembangunan Strategi Pembiayaan SDG Kebangsaan pada 2023, draf ini sudah pun memaklumkan perbincangan dasar dalam Kerajaan tentang bagaimana dasar dan strategi pembiayaan boleh dibentuk semula dan dikaitkan dengan penyampaian SDG yang terjamin.

## Melindungi wanita rentan di tempat kerja dan rumah

Sebagai sebahagian daripada Program Selamat dan Adil di Malaysia, PBB-Wanita menyokong Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) untuk meneruskan perkhidmatan talian bebas tol dan pemesesan WhatsApp yang dipertingkat untuk wanita rentan, termasuk migran. Pada mulanya perkhidmatan ini diperkenalkan semasa pandemik Covid-19 untuk menasihati dan menyokong pemanggil tentang isu di tempat kerja, gangguan, keganasan berasaskan gender dan pemerdagangan. Sepanjang tahun ini, 2,422 panggilan diterima di talian penting tersebut serta 3,581 mesej di WhatsApp. PBB-Wanita turut menyokong WAO untuk menyediakan latihan pencegahan gangguan seksual di tempat kerja kepada pekerja di 15 syarikat minyak sawit.

## 2.2.3

Agenzia Penyumbang



### PENCAPAIAN UTAMA 3

# Membantu Malaysia mentransformasikan perkhidmatan awam utama

PBB di Malaysia terus berusaha untuk menambah baik hasil kesihatan dan pendidikan untuk semua ketika negara beransur pulih daripada pandemik Covid-19.

**Empat makmal kesihatan awam Covid-19 membolehkan pengesanan dan pengawasan varian baharu dengan berkesan, dan menyokong Malaysia dalam peralihan ke peringkat endemik**

WHO terus menyokong tindak balas pandemik Malaysia, melalui usaha pengawasan dan kesiapsiagaan. Bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti diberikan kepada empat makmal kesihatan awam untuk mengesan varian baharu melalui penjujukan seluruh genom dan pengawasan genom. Dengan sokongan teknikal WHO kepada Kementerian Kesihatan, Malaysia berjaya beralih ke fasa endemik COVID-19. Pembangunan perisian berasaskan AI juga membolehkan pembuatan keputusan kesihatan awam yang lebih pantas dalam hal ini.



**Penerbitan tentang reformasi penjagaan kesihatan dilancarkan sebelum pembentangan Kertas Putih Kerajaan**

UNU-Institut Antarabangsa bagi Kesihatan Global (UNU-IIGH) bersama-sama Menteri Kesihatan telah melancarkan buku bertajuk, "Systems Thinking Analyses for Health Policy and Systems Development: A Malaysian Case Study" yang mengkaji sistem penjagaan kesihatan Malaysia melalui metodologi pemikiran sistem.

Kerajaan juga menjemput UNU-IIGH dan WHO untuk menyertai proses dasar berterusan Kementerian bagi membuat cadangan kepada Parlimen tentang reformasi penjagaan kesihatan dan entiti PBB ini merupakan sebahagian daripada ahli mesyuarat pakar utama dengan 54 wakil daripada Kerajaan, akademia dan organisasi masyarakat civil untuk mengenal pasti keutamaan bagi reformasi dalam Kertas Putih.


Di samping itu, 15 wartawan telah dilatih oleh UNU-IIGH tentang Kertas Putih Kesihatan berkenaan dengan butiran khusus dalam reformasi sistem penjagaan kesihatan pada bulan Julai.



## **Membolehkan reformasi yang moden dan progresif terhadap dasar kesihatan seksual dan reproduktif**

UNFPA menjalankan kajian utama yang telah memberikan impak positif kepada Dasar Perancang Keluarga Kebangsaan, serta Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan 2022-2025 (PEKERTI). Hal ini termasuk panduan teknikal antarabangsa tentang pendidikan seksualiti dan penawaran pendidikan seksualiti yang komprehensif sebagai mata pelajaran kendiri di sekolah. Perkara ini diketengahkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai sebahagian daripada usaha untuk menangani peningkatan jumlah kehamilan remaja, kes rogol dan pembuangan bayi.

**Dengan memanfaatkan usaha untuk melaksanakan pembelajaran dalam talian semasa pandemik, platform Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia (DELIMa) telah diperkuuh dan diinstitusikan dengan lebih lanjut**



UNICEF dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (KPM), bekerjasama dengan rakan kongsi teknologi seperti Google, Microsoft dan Apple untuk melancarkan platform DELIMa 2.0 yang dinaik taraf sebagai sebahagian daripada pendekatan Malaysia untuk menggabungkan pembelajaran secara bersemuka dan dalam talian. Pada mulanya DELIMa merupakan hasil usaha untuk menjamin keterusan pendidikan semasa kawalan pergerakan Covid-19 dan membolehkan pengajaran, latihan dan pembangunan profesional secara maya. Kini setelah dilancarkan di seluruh negara, setakat Ogos 2022 dianggarkan bahawa 99% guru dan 85% pelajar telah menggunakan DELIMa dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian mereka. UNICEF juga bekerjasama dengan KPM dan Kementerian Dalam Negeri untuk mengembangkan platform dalam talian kepada kanak-kanak di institusi di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Perkongsian penting antara sektor awam dan swasta ini yang dibantu oleh PBB telah memastikan bahawa lokasi fizikal bukan lagi penghalang kepada pembelajaran.



## Manfaatkan Dekad Penuaan Sihat PBB untuk melaksanakan perubahan dan menambah baik kehidupan warga emas

Setelah menyedari peralihan demografi yang sedang berlaku dan bahawa Malaysia akan menjadi negara tua menjelang 2030, UNCT telah bekerjasama dengan beberapa rakan kongsi Kerajaan untuk menggalakkan perubahan dasar yang positif. UNFPA dan Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia bersama-sama menganjurkan bengkel untuk membentangkan Semakan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara (NPOP). Pelan Tindakan NPOP 2023-2030 yang dimuktamadkan dijangka akan dilancarkan tidak lama lagi, dengan tumpuan yang lebih mendalam pada penjagaan jangka panjang. WHO dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Yayasan Penyakit Alzheimer Malaysia, melaksanakan latihan kemahiran penjagaan demensia kepada 213 penjaga daripada pelbagai organisasi.



## Penyediaan kelengkapan perubatan keselamatan bernilai USD 150,000 kepada 7 hospital awam

Dalam usaha menangani peningkatan nisbah kematian maternal di Malaysia yang membimbangkan, UNICEF telah menyumbangkan kelengkapan perubatan keselamatan kepada wad bersalin dua hospital awam di Kuala Lumpur dan Selangor, dan lima hospital awam Sabah, yang memberikan manfaat secara langsung kepada masyarakat pedalaman dan pesisir pantai. Dianggarkan bahawa 200,000 kelahiran bayi mendapat manfaat daripada sokongan UNICEF untuk memperkuuh penjagaan kesihatan ibu dan anak.

## 2.2.4



Agenzia Penyumbang



UN-HABITAT  
FOR A BETTER URBAN FUTURE



unicef



UNODC  
United Nations Office on Drugs and Crime



International  
Trade  
Centre

### PENCAPAIAN UTAMA 4

## Membolehkan tindakan iklim dan melindungi biodiversiti Malaysia

UNCT terus menyokong Kerajaan dan sektor swasta untuk mempercepat usaha untuk beralih kepada amalan yang lebih mampan dan mesra alam merentasi pelbagai sektor, dan untuk membolehkan neutraliti karbon menjelang 2050.

Malaysia mengambil langkah penting pada 2022 untuk menggalakkan perlindungan alam sekitar. Kerajaan menambahkan lagi komitmennya di COP27 di Sharm El Sheikh yang menggabungkan komitmen yang dibuat di COP26 tentang langkah mengurangkan dan menyesuaikan pelepasan. Komitmen ini, yang dinyatakan dalam Ucapan Belanjawan 2023 pada bulan Oktober 2022, mencakupi peningkatan peruntukan bagi Pemindahan Fiskal Ekologi daripada RM70 juta kepada RM100 juta setiap tahun. Pelepasan CO<sub>2</sub> menurun daripada garis dasar 8.05 mtCO<sub>2</sub> kepada 7.56 mtCO<sub>2</sub> per kapita menjelang akhir 2021, melepassi sasaran UNFCCC yang dirancang (walau bagaimanapun, sekatan yang berkaitan dengan pandemik mungkin telah meningkatkan penurunan ini).





## Menghentikan pencemaran plastik di kawasan terpencil yang bersih dan sensitif terhadap ekologi

Program Alam Sekitar PBB (UNEP), sebagai sebahagian daripada projek Kitaran SEA yang dilaksanakan di enam negara Asia Tenggara dari 2018 hingga 2024, menjalankan tinjauan utama tentang persepsi pencemaran sisa plastik dalam kalangan pengguna dan perniagaan Malaysia, dan tentang pelaksanaan penyelesaian berasaskan pasaran untuk mengurangkan sisa plastik. Projek ini bertujuan untuk memastikan pengurangan pembuangan plastik ke dalam laut dengan mengurangkan pembaziran pada peringkat sumber dan melalui pengurusan rantai nilai yang lebih baik. Taklimat Negara tentang pengurangan pencemaran plastik dan penggalakan kitaran ekonomi telah disediakan di setiap negara. Projek ini membantu kerajaan Malaysia melancarkan Dasar dan Pelan Tindakan Sisa Marin Kebangsaan 2021-2030.

UNEP bekerjasama dengan tiga organisasi bukan untung untuk melaksanakan tiga projek rintis serantau, termasuk satu di Kepulauan Mersing. Usaha ini mempertingkatkan sistem pengurusan sisa dan melatih penduduk tempatan untuk mengasingkan plastik bagi kitar semula dan pelupusan. Mesin pematad plastik dan infrastruktur pelupusan dan pengasingan yang mudah telah disediakan. Oleh itu, barang kitar semula boleh diproses dan dibawa ke tanah besar. Projek ini bertujuan untuk menangani sisa marin di Malaysia secara langsung, yang dianggarkan kira-kira 140,000 hingga 370,000 tan plastik dibuang setiap tahun.

UNEP juga bekerjasama dengan kerajaan negeri Sabah untuk memasang 10 tangki rawatan air sisa di Pulau Gaya. 10 nelayan telah dilatih dalam pemasangan dan penyelenggaraan tangki tersebut. Projek rintis ini bertujuan untuk menunjukkan manfaat pemeliharaan kualiti air pantai dan memperkasa komuniti tempatan supaya menghentikan pencemaran air sisa.

**10,000 km<sup>2</sup>  
persegi  
kawasan hutan  
dipelihara**



## 10,000 km<sup>2</sup> hutan Malaysia menerima status perlindungan yang dipertingkat

Melalui bantuan teknikal peringkat tinggi, UNDP membantu Malaysia memenuhi komitmennya untuk mengekalkan 50% litupan hutan dengan menyumbang kepada semakan semula Pelan Induk Central Forest Spine (CFSMP) yang kini sudah ketinggalan zaman. Hal ini menyebabkan penambahan kawasan hutan yang menerima status perlindungan yang dipertingkat. CFSMP yang dikemas kini telah diluluskan oleh Kabinet untuk membantu memastikan kelangsungan dan kebolehhidupan spesies penting seperti harimau Malaya sambil memelihara perkhidmatan ekosistem walaupun berdepan dengan pengurangan tanah hutan yang begitu cepat.



2,800 Kt  
CO<sub>2</sub> dijimatkan  
daripada 10 loji  
terma suria

## Membolehkan pelaburan sektor swasta dalam loji terma suria dan mengumpulkan USD 10 juta untuk penyelesaian berasaskan alam semula jadi dalam penyesuaian terhadap perubahan iklim

Dalam menyokong Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12), UNIDO menyediakan bantuan teknikal dan penilaian penjimatan kos kepada beberapa perusahaan swasta untuk menunjukkan manfaat pelaburan dalam tenaga terma suria. Usaha ini telah menyumbang kepada pembangunan 10 loji terma suria pada 2022, yang dijangka memberikan penjimatan sebanyak 2,800 Kt pelepasan CO<sub>2</sub> sepanjang operasi mereka.

UN-Habitat melancarkan program Penyesuaian Iklim bernilai USD 10 juta untuk kawasan bandar Pulau Pinang bersama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim serta Think City. Program ini termasuk usaha untuk mengurangkan suhu permukaan dan larian air ribut, dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan daya tahan sosial dan pembinaan kapasiti institusi untuk menangani perubahan iklim. Ini akan menjadi projek pertama yang menggunakan penyelesaian berasaskan alam semula jadi yang akan dilaksanakan di majlis perbandaran Malaysia dan akan merangkumi komponen pemindahan pengetahuan yang kukuh. Projek ini juga bertujuan untuk memastikan keuntungan pemangkin - membolehkan peningkatan dan penggunaan oleh bandar lain di Malaysia dan di rantau yang lebih luas. Projek ini telah dilancarkan di Bengkel Permulaan pada bulan Ogos 2022 dengan kehadiran 50 wakil daripada 30 kumpulan pihak berkepentingan yang berbeza.



## Inisiatif Youth Environment Living Labs (YELL) membolehkan pelancaran 20 projek rintis alam sekitar yang diterajui belia



Program YELL, sebuah kerjasama antara UNDP dengan UNICEF yang bertujuan untuk mempromosikan tindakan alam sekitar yang diterajui belia yang berteraskan pengetahuan tempatan, orang asli dan tradisional, telah membiayai 20 projek rintis dengan geran berjumlah USD 250,000. Lebih separuh daripada projek ini telah dilaksanakan oleh kumpulan belia luar bandar dan orang asli. Jangkauan dan impak projek itu dijangka semakin meluas memandangkan pembiayaan tambahan sebanyak USD 400,000 telah diperoleh daripada Amanah Lestari Alam, anak syarikat Bank Pembangunan Malaysia, untuk 2023-2024. Perkongsian ini membolehkan golongan muda bereksperimen dengan penyelesaian inovatif dan membangunkan potensi mereka sebagai ejen perubahan masa hadapan untuk mempromosikan perlindungan alam sekitar.



## Tiga agensi PBB bekerjasama dengan pihak berkuasa Malaysia untuk membanteras jenayah hidupan liar dan melindungi kesihatan manusia

Melalui Projek Keselamatan Merentas Asia untuk Persekitaran Global (*Safety Across Asia for the Global Environment (SAFE) Project*) serantau, UNODC, UNEP dan FAO bekerjasama dengan EU dan menggerakkan sumber untuk mencegah pandemik akan datang dengan menumpukan pada hubungan antara pemerdagangan hidupan liar dan penularan penyakit zoonosis. Intervensi ini , yang dilaksanakan di beberapa negara ASEAN dan Sabah di Malaysia bertujuan untuk mengenal pasti kemudahan dan amalan dalam negara yang menimbulkan risiko tertinggi untuk menularkan penyakit zoonosis yang teruk daripada haiwan liar kepada manusia. SAFE akan bekerjasama dengan pihak berkepentingan negara untuk memastikan mereka memahami risiko dan bersedia untuk meminimumkan risiko itu serta melindungi kesihatan manusia.



**145 pegawai kerajaan Malaysia menerima latihan dalam pertanian mampan**



## Penilaian Infrastruktur Kualiti disempurnakan untuk mengurangkan kesan iklim terhadap infrastruktur

Sebagai sebahagian daripada projek ARISE Plus, ITC memuktamadkan Laporan Penilaian Infrastruktur Kualiti Kebangsaannya, yang mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pembangunan Infrastruktur Kualiti Malaysia. Laporan itu telah dibentangkan kepada pihak berkepentingan Kerajaan pada bulan Ogos. Laporan ini akan menjadi asas untuk membangunkan Dasar Kualiti Kebangsaan (NQP) Malaysia pada 2023. NQP yang diperkuuh akan menggalakkan Kerajaan dan sektor swasta untuk menyepakuan amalan mampan alam sekitar ke dalam proses perolehan, dan mengurangkan jejak ekologi Malaysia.

## 145 pegawai kerajaan Malaysia dilatih dalam amalan pertanian mampan untuk memudahkan perdagangan antarabangsa

ITC melatih 145 pegawai kerajaan Malaysia untuk menggalakkan amalan pertanian mampan bagi membolehkan peluang perdagangan, terutamanya melalui pengurusan racun perosak tiruan dan peraturan baja yang berkenaan. Sesi tentang keselamatan makanan, langkah biosekuriti akuakultur dan penambahbaikan pengurusan perikanan turut dianjurkan. Sesi tersebut menyebabkan hasil yang lebih baik bagi pembangunan dan pelaksanaan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perosak dan penyakit.

## 2.2.5

PENCAPAIAN UTAMA **5**

# Menyokong Singapura dan Brunei untuk mengembalikan kemajuan SDG

Sebagai mencerminkan jangkauan beberapa ahli UNCT di luar Malaysia, beberapa agensi yang diberi mandat untuk merangkumi Singapura dan/atau Brunei Darussalam telah menyokong pencepatan tindakan pembangunan mampan ketika pemulihian pascaCovid semakin pesat.



“ Saya sangat yakin bahawa ini ialah peluang yang baik untuk kami berkongsi dan belajar, dan memastikan bahawa rancangan dan strategi komunikasi adalah sejajar, berdasarkan bukti dan yang paling penting, bahawa kami menjangkau khalayak sasaran dengan seruan tindakan yang betul. Untuk perkara ini berlaku dengan berkesan, kami mesti memanfaatkan alat cerapan tingkah laku dan memperkasa orang ramai untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat untuk menguruskan kesihatan mereka dengan lebih baik.

- Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam

## Membantu menamatkan pandemik dan menyampaikan hasil kesihatan yang lebih baik di Brunei Darussalam

WHO telah menyediakan panduan teknikal kepada Brunei Darussalam untuk merintis inisiatif komuniti mesra umur yang sesuai di daerah Tutong menggunakan alat penilaian yang berkaitan. Cadangan daripada laporan akhir itu diharapkan akan membantu negara itu ketika memulakan pelaksanaan Pelan Tindakan Warga Emas Kebangsaan.

Pandemik Covid-19 juga mendedahkan keperluan mendesak terhadap latihan dan pembinaan kapasiti dalam pelaporan isu berkaitan kesihatan, penyampaian risiko dan ketaktentuan yang dikaitkan dengan penyakit berbeza, dan tentang peranan media bagi memerangi penyebaran maklumat salah dan palsu. Oleh itu, WHO menyokong Kementerian Kesihatan di Brunei untuk melaksanakan latihan secara bersemuka kepada 17 pengamal media untuk membina kapasiti mereka dalam bidang pelaporan kesihatan, menguruskan khabar angin dan maklumat palsu, serta mengurangkan stigma dan diskriminasi.

## Membolehkan Brunei Darussalam mempercepat kemajuan SDG

UNDP telah mengadakan beberapa siri bengkel kesedaran SDG untuk 40 peserta di Brunei Darussalam daripada kerajaan, bank pusat, sektor swasta, NGO dan akademia. Sebuah webinar yang dianjurkan pada bulan Mac sangat membantu untuk menyediakan maklumat yang relevan berkaitan dengan perancangan, pelaporan dan pelaksanaan program berkaitan SDG di negara itu.

Bengkel permulaan Kajian Kebangsaan Sukarela (VNR) Brunei disokong oleh UN RCO, Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik serta UNDP. VNR diadakan pada bulan Oktober 2022 untuk melancarkan persediaan bagi VNR Brunei ke-2 dan menyumbang untuk meningkatkan penyelarasan antara kementerian, meluaskan pangkalan pihak berkepentingan, dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia dan organisasi bukan kerajaan tentang keutamaan negara Brunei dari sudut pandang SDG, termasuk data dan statistik.



## Manfaatkan kejayaan pembangunan Singapura untuk menyokong inovasi bandar di peringkat global

UN-Habitat bekerjasama dengan UN RCO untuk memastikan penglibatan berkesan dengan Kerajaan Singapura sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak Bandar Sedunia 2022. Kerjasama ini termasuk dialog tentang dasar, pertukaran amalan baik dan sokongan bersama untuk bandar mampan. UN-Habitat menyokong persediaan untuk Program Pemimpin Antarabangsa dalam Tadbir Urus Bandar yang dianjurkan bersama dengan Pusat untuk Bandar yang Sesuai Didiami Singapura dan ibu pejabat global UN-Habitat.



## 2.2.6

PENCAPAIAN UTAMA 6

# Menyediakan sokongan pentadbiran serta bantuan kecemasan dan pembangunan di peringkat serantau dan global

Bantuan kemanusiaan bernilai lebih USD 1 juta telah disampaikan kepada 11 negara di seluruh rantau Asia Pasifik.

Depot Tindak Balas Kemanusiaan PBB (UNHRD) yang berpangkalan di Malaysia, iaitu salah satu daripada 5 hab global Program Makanan Sedunia (WFP), terus menyampaikan bantuan kecemasan kepada negara-negara di seluruh Asia Pasifik. Pada 2022, depot ini menghantar 14 konsainan berjumlah 179 tan metrik (MT) dengan nilai kargo sebanyak USD 1.03 juta ke 11 negara. Penghantaran kecemasan termasuk tindak balas terhadap taufan di Filipina pada awal 2022 yang melibatkan penghantaran 26 MT Unit Penyimpanan Mudah Alih. 10 negara lagi turut menerima 153 MT barang bantuan asas seperti forklift, unit penyimpanan mudah alih, penjana dan bangunan pasang siap.

UNHRD Malaysia mengendalikan permintaan daripada UNDP yang melibatkan penggabungan kargo melalui udara dari empat lokasi di seluruh dunia dan penerbangan terus ke Timor-Leste. Konsainan barang perubatan ini yang dihantar dengan bantuan UNDP memberikan manfaat ketara kepada sistem kesihatan awam Timor-Leste.

Melalui operasi dan penyumberan tempatannya, UNHRD Malaysia memperkasa 47 perusahaan sektor swasta bersaiz kecil dan sederhana, yang kebanyakannya merupakan perusahaan yang diterajui wanita, melalui peningkatan transaksi perniagaan dan penjanaan pendapatan. WFP juga memperoleh minyak sayuran secara tempatan untuk operasi bantuan makanan globalnya, berjumlah kira-kira USD 18.6 juta untuk 10,736 MT. Malaysia terus menjadi sumber penting bagi minyak sayuran untuk bakul makanan WFP di peringkat antarabangsa.



Melaksanakan beribu-ribu transaksi dan input yang membolehkan kefungsian PBB merentasi lima benua

Putus perkhidmatan global yang dikendalikan oleh UNDP dan WHO serta dihoskan oleh Malaysia, menyokong sekitar 200 lokasi di seluruh dunia dan masing-masing kebanyakannya memproses 662,047 dan 1,521,014 transaksi kewangan pada 2022. Beberapa transaksi daripada pusat perkhidmatan global WHO juga melibatkan sumber manusia, perolehan dan gaji pekerja. Transaksi ini penting untuk fungsi global PBB.

## 2.3

# Menyelaraskan, membina perkongsian dan menjamin sumber pembangunan

UN RCO menyelaraskan dan menyokong kerja PBB di Malaysia, Singapura dan Brunei Darussalam - membimbing dan membentuk input kerjasama pembangunan, menyediakan sokongan bersama dan bertindak sebagai titik pertemuan umum. Yang pentingnya, melaksanakan tawaran PBB yang ditambah nilai strategik dan usaha pelbagai agensi PBB yang membantu kerajaan dan rakyat di negara tersebut.

Penyelaras Residen PBB dan UN RCO terlibat secara meluas dalam SDG, khususnya dalam perancangan dan penyumberan. Penyelaras Residen PBB membentangkan kepada Majlis SDG Negara Malaysia pada bulan September 2022, yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, tentang prestasi SDG dan keutamaan penting untuk masa hadapan. UN RCO memulakan Siri Dialog Kerajaan-UNCT dengan Kementerian Ekonomi (dahulunya EPU) serta Siri Dialog UNCT-Masyarakat Awam - sebagai platform untuk membincangkan isu keutamaan negara dan mengenal pasti bidang utama yang kepakaran, kuasa bersidang dan perkongsian PBB adalah paling berkesan.

UN RCO menyelaraskan sokongan UNESCO dan UNICEF ketika Kerajaan Malaysia dan Brunei Darussalam menyediakan Penyata Komitmen Kebangsaan mereka untuk Sidang Kemuncak Transformasi Pendidikan. UN RCO juga memastikan input PBB yang disepakati disediakan dalam proses Belanjawan Negara Malaysia.



Dalam perkembangan baharu, UN RCO bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Yayasan SDG Malaysia yang baru ditubuhkan, untuk menubuhkan Dana Amanah SDG PBB-Malaysia. Dana ini menumpukan kepada janji tiada yang tertinggal, dan dengan modal awal sebanyak USD 4 juta, Dana ini akan menyokong projek berkaitan SDG pada tahun-tahun sebelum 2030.

Platform dalam talian TogetherforSDGs, yang dibangunkan dengan kerjasama Global Compact Malaysia dan Brunei, dilancarkan pada 2022 dan menampilkan maklumat tentang usaha perniagaan dan pihak berkepentingan lain dari perspektif SDG. Setakat bulan Disember 2022, platform ini menyertakan data daripada 126 entiti sektor swasta, 51 NGO dan lapan institusi akademik.

Di bawah kepimpinan RC, UNCT menyertai usaha untuk menyokong norma dan nilai PBB. Hal ini termasuk Forum Hari Hak Asasi Manusia yang besar, sebagai memperingati ulang tahun ke-74 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat - dengan 500 peserta menyertai secara bersemuka dan 1,300 dalam talian. Forum itu berfungsi sebagai platform bagi anggota kabinet yang baru dilantik untuk berinteraksi dengan orang ramai buat kali pertama, dengan kenyataan tegas tentang komitmen Malaysia terhadap hak asasi manusia untuk semua, dan ikrar untuk tidak meninggalkan sesiapa pun melalui reformasi dasar dan institusi yang berkesan.


PBB di Malaysia bekerjasama dengan Kedutaan Kerajaan Belanda dan Pusat Kewartawanan Bebas untuk memperingati Hari Kebebasan Akhbar Sedunia. Disiarkan secara langsung di beberapa platform, dan dilihat oleh lebih daripada 4,200 penonton, acara itu menyediakan ruang untuk berinteraksi dengan penggubal dasar tentang keperluan untuk menyemak rangka kerja undang-undang. Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), menggunakan ucapan penggulungannya untuk berhujah bahawa media tidak seharusnya menghadapi sekatan semasa membuat laporan, sambil menambah bahawa kebebasan ini harus digunakan secara bertanggungjawab untuk mengelakkan penyebaran maklumat salah dan berita palsu.

## 2.4

# Kepaduan, Keberkesanan dan Kecekapan PBB

Sembilan agensi residen dan 13 agensi bukan residen PBB di Malaysia beroperasi di bawah UNSDCF, dan dilaksanakan di bawah penyelarasan keseluruhan Penyelaras Residen. UNSDCF menetapkan tadbir urus dan struktur tematik tindakan PBB di negara ini. Hal ini termasuk **Perkongsian** sebagai Kumpulan Hasil penaung, empat kumpulan lain mencerminkan keutamaan SDG (*Manusia, Planet, Kemakmuran* dan *Keamanan*), serta *Gender* sebagai keutamaan silang. Kumpulan berasaskan isu ini berfungsi sebagai mekanisme untuk mengukuhkan perkongsian maklumat, kerjasama dan pertemuan antara agensi PBB di Pejabat Berbilang Negara.

### TADBIR URUS UNSDCF: MERENTAS 5 BIDANG KEUTAMAAN DAN DIMATRIKS KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN UTAMA



## 2.5

# Penilaian dan Hasil Pembelajaran

Penilaian terhadap persekitaran operasi dan hasil pembelajaran kekal sebagai tumpuan utama misi PBB di Malaysia pada 2022. Ketika negara ini bangkit daripada pandemik, membuka semula ekonomi dan menghadapi ketaktentuan luaran, adalah penting untuk memastikan fleksibiliti dan bersedia untuk bertindak balas. Ini merupakan ciri khas pendekatan PBB dalam sokongan nasihat dasar dan perancangan program, terutamanya di negara berpendapatan sederhana atas. Pendekatan ini membolehkan peningkatan dalam perbelanjaan terhadap keutamaan UNSDCF kerana pelaksanaan program dibantu oleh pembukaan semula di peringkat nasional dan global. Penyesuaian terhadap keadaan baharu dan cepat berubah merupakan kunci kepada aktiviti PBB di Malaysia sepanjang tahun ini, dan hasil pembelajaran akan memudahkan pelaksanaan UNSDCF pada masa hadapan apabila halangan luar terus memberikan kesan kepada negara.

## 2.6

# Menggerakkan sumber untuk Malaysia


## 2.6.1

### Gambaran Keseluruhan

Pada 2022, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Malaysia memperoleh lebih daripada USD 60.8 juta dan membelanjakan hampir USD 49.8 juta untuk menyokong program dan aktiviti di Malaysia. Jumlah yang dibelanjakan merangkumi 81.9% daripada jumlah yang diperoleh (termasuk PBB dan sumber yang digerakkan). Tambahan lagi, tahun itu menyaksikan peningkatan yang ketara sebanyak 32.4% dalam perbelanjaan PBB di Malaysia berbanding 2021.


Empat agensi terbesar (IOM, UNDP, UNHCR dan UNICEF) merangkumi 59% daripada jumlah pembiayaan yang dibelanjakan, dan 12 agensi melaksanakan lebih 90% daripada dana yang diperoleh (lihat carta). <sup>3</sup> Secara keseluruhan, agensi PBB membelanjakan 82% daripada sumber yang digerakkan pada 2022.

Pelaksanaan Belanjawan 2022




<sup>3</sup>Angka ini merujuk perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Pejabat PBB di Malaysia, Singapura dan Brunei pada 2022 di kawasan berbilang negara, dan tidak termasuk perbelanjaan dari pusat perkhidmatan global yang berpangkalan di Malaysia seperti pusat perkhidmatan yang dikendalikan oleh UNDP dan WHO.


### Perbelanjaan 2022 Mengikut Agensi (Carta A)



### Perbelanjaan 2022 Mengikut Agensi (Carta B)



### Perbelanjaan mengikut Tonggak




## 2.6.2

# Penggerakan Sumber Penderma

Pelbagai set penderma yang membiayai program UNCT pada 2022

Sumber Perbelanjaan (2022)




Penderma	USD ('000)	Bahagian (%)
Teras	11,548	23.19%
Dana Menegak	10,431	20.95%
AS	8,881	17.83%
Lain-lain	4,955	9.95%
Perkongsian kos kerajaan	3,198	6.42%
EU	2,624	5.27%
Jepun	2,638	5.30%
Australia	1,078	2.16%
Kanada	1,100	2.21%
New Zealand	751	1.51%
Agensi PBB (UNA)	658	1.32%
UK	719	1.44%
Sweden	528	1.06%
Qatar	378	0.76%
Norway	171	0.34%
Jerman	73	0.15%
Switzerland	48	0.10%
Denmark	19	0.04%
Jumlah	<b>49,798</b>	<b>100%</b>



PBB di Malaysia menggerakkan dana dari 12 negara penderma, serta dari EU dan negara lain. Pembiayaan penderma ini merangkumi 39.6% daripada jumlah dana yang digunakan pada 2022, dengan tambahan sebanyak 6.4% yang terdiri daripada perkongsian kos daripada kerajaan Malaysia. Sumber pusat daripada PBB terdiri daripada dana teras dan menegak, merangkumi kurang daripada separuh jumlah pembiayaan pada 44.1%. Hal ini menunjukkan sumber pembiayaan PBB yang semakin pelbagai kerana PBB terus bekerjasama dengan pelbagai rakan kongsi. Dana Amanah PBB-Malaysia yang dijangka akan dilancarkan pada 2023, merupakan mekanisme pembiayaan SDG yang inovatif dan dijangka meluaskan asas perkongsian melalui sumbangan daripada rakan kongsi pembangunan dan penderma bukan kerajaan yang lain.

## Negara Penderma



## 2.7

### PBB di Malaysia – 2022 mengikut bilangan

 <p><b>177,262</b> Lebih daripada 177,000 orang/pegawai mendapat manfaat daripada latihan PBB di Malaysia pada 2022.</p>	 <p><b>164,254</b> pengguna mengakses bank sumber Komuniti Guru Digital Learning (UNICEF).</p>	 <p><b>4,115</b> guru meningkatkan kapasiti mereka untuk menjadi pendidik dalam talian secara jarak jauh yang berkesan melalui Kementerian Pendidikan- Komuniti Guru Digital Learning UNICEF (UNICEF).</p>	 <p><b>3,452</b> guru dilatih, 36,751 pengguna unik dan lebih 1 juta paparan halaman untuk bahan pembelajaran dan bilik darjah Kemahiran Masa Depan untuk Semua (UNICEF).</p>
 <p><b>1,412</b> dilatih sebagai sebahagian daripada Program Kemahiran untuk Kemakmuran untuk meningkatkan kebolehpasaran pekerja (ILO).</p>	 <p><b>335</b> wakil daripada MITI, agensi kerajaan lain dan sektor swasta dilatih dalam rundingan perjanjian perdagangan bebas yang mampang (ITC).</p>	 <p><b>315</b> peserta berdaftar dalam webinar tentang buruh paksa dan migrasi adil untuk sektor pembuatan dan perlادangan eksport (ILO).</p>	 <p><b>253</b> wakil daripada sektor swasta di 5 wilayah tentang Keganasan dan Gangguan dalam Dunia Pekerjaan (ILO).</p>
 <p><b>244</b> kerajaan, organisasi masyarakat sivil dan rakan kongsi akademik dilatih dalam pendekatan, strategi, pelaksanaan serta pemantauan dan penilaian aras sosial dan tingkah laku (UNICEF).</p>	 <p><b>200</b> orang telah mengambil MOOC tentang penyelidikan pelaksanaan dalam sektor kesihatan (UNU-IIGH).</p>	 <p><b>200</b> profesional muda dilatih dalam pendekatan Sains, Kejuruteraan, Teknologi &amp; Inovasi terhadap pengurangan risiko bencana &amp; perubahan iklim (UNICEF).</p>	 <p><b>150</b> pelajar, 15 guru, 40 wanita dan 100 penduduk kampung diajar tentang pengurusan risiko bencana berdasarkan komuniti (UNICEF).</p>
 <p><b>145</b> pegawai kerajaan tentang amalan pertanian mampang (ITC).</p>	 <p><b>135</b> pegawai penguat kuasa undang-undang, pendakwa dan hakim tentang jenayah siber (UNODC).</p>	 <p><b>110</b> pekerja migran dari Pusat Sumber Migran dilatih melalui 8 sesi tentang hak asasi buruh dan pencegahan gangguan seksual (ILO).</p>	 <p><b>93</b> orang (35 pegawai kerajaan antara kementerian, 38 organisasi wakil orang kurang upaya dan 20 Kakitangan PBB) dilatih dalam Pelaporan Badan Perjanjian CRPD (UNICEF, OHCHR dan RCO).</p>
 <p><b>80</b> pegawai penguat kuasa undang-undang maritim mengikuti kursus Kesedaran Domain Maritim sebagai sebahagian daripada Program Jenayah Maritim Global (UNODC).</p>	 <p><b>69</b> belia dilatih untuk membangunkan dan memperbaiki projek alam sekitar sebagai tindak balas terhadap isu alam sekitar tempatan (UNDP dan UNICEF).</p>	 <p><b>51</b> orang menerima latihan tentang gangguan seksual di tempat kerja di 15 syarikat minyak sawit yang berbeza (PBB-Wanita).</p>	 <p><b>50</b> pengasas/pengasas bersama syarikat pemula dilatih dalam metodologi Pengukuran dan Pengurusan Impak, pengurusan dan pertumbuhan perniagaan serta tarikan modal baharu (UNDP).</p>



# PBB di Malaysia – 2022 mengikut bilangan

 <b>50</b> kanak-kanak dan 10 guru dilatih dalam pendekatan sains warganegara untuk pemantauan kualiti udara (UNICEF).	 <b>43</b> orang (40 pelajar dan 3 guru) dilatih di Bengkel Kesedaran Alam Sekitar Bersih dan Sihat (UNEP).	 <b>42</b> wakil daripada penyedia latihan dalam perkhidmatan kerja sosial (bahagian latihan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kerja sosial profesional dan organisasi masyarakat sivil) dan penyedia latihan praperkhidmatan (9 institusi akademik) menerima Latihan kepada Pelatih untuk memprofesionalkan kerja sosial dengan golongan kanak-kanak rentan, dengan tumpuan kepada kanak-kanak yang terjejas oleh migrasi. (UNICEF)	 <b>41</b> pegawai penguat kuasa undang-undang mengambil bahagian dalam kursus latihan Tindak Balas terhadap Penyeludupan Migran melalui Laut (UNODC).
 <b>40</b> penduduk kampung dilatih untuk menyokong penyelenggaraan dan pembelian tangki rawatan air sisa ISTP (UNEP).	 <b>40</b> guru dan 960 kanak-kanak dilatih dalam kesiapsiagaan bencana sekolah (UNICEF).	 <b>40</b> pakar pemakanan kerajaan dan wakil masyarakat sivil telah dilatih dalam Pemakanan semasa Kecemasan dan 33 orang daripada pakar pemakanan tersebut telah diajar tentang komunikasi untuk pembangunan pemakanan dalam kalangan wanita usia reproduktif (UNICEF).	 <b>37</b> pemeriksa buruh menyertai latihan di Sabah dalam pemeriksaan buruh, buruh kanak-kanak dan buruh paksa (ILO).
 <b>37</b> ahli MTUC tentang kerentanan pekerja terhadap buruh paksa semasa pandemik (ILO).	 <b>36</b> remaja dilatih dalam penulisan reflektif untuk penceritaan alam sekitar (UNDP dan UNICEF).	 <b>33</b> wakil NIH dan CSO telah dilatih sebagai sebahagian daripada Bengkel Pemikiran Sistem dan Imbasan Horizon dalam Kesehatan dan Pembangunan (UNU-IIGH dan UNDP).	 <b>30</b> pakar epidemiologi lapangan dan pegawai kesihatan awam Kementerian Kesihatan dilatih dalam pengawasan dan penilaian risiko varian Covid-19 (WHO).
 <b>20</b> kakitangan PBB dilatih dalam pengurangan risiko keganasan berdasarkan gender dan rujukan (UNICEF, UNFPA dan UN RCO).	 <b>17</b> pengamal media telah dilatih di Brunei tentang pelaporan isu kesihatan (WHO).	 <b>15</b> wartawan dilatih tentang Kertas Putih Kesihatan (UNU-IIGH).	 <b>14</b> pegawai kerajaan dilatih tentang perlindungan pelarian (UNHCR).
 <b>8</b> jurulatih Jabatan Imigresen dilatih dalam penyiasatan pemerdagangan manusia dan penyeludupan migran (UNODC).	 <b>5</b> syarikat pemula telah menjalani program pembinaan kapasiti untuk menambah baik asas perniagaan dan metodologi pengukuran impak serta mengukuhkan penyelesaian inovatif untuk hasil inovatif bagi kanak-kanak (UNICEF).	 <b>3</b> pegawai daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dan Universiti Malaya menghadiri Kursus Eksekutif untuk Pemimpin Penilaian selama dua minggu (UNICEF).	 <b>2</b> orang pegawai daripada Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara dan Universiti Putra Malaysia telah dilatih dalam Latihan Keibubapaan Responsif Gender (UNICEF).

# PBB di Malaysia – 2022 mengikut bilangan



**1,700**

pelarian menerima kit kebersihan (IOM)



**9,318**

vaksinasi di kawasan terpencil (WHO)



**28,000**

vaksinasi Covid (di pusat IOM)



**USD 2.5 juta**

dikumpulkan oleh 25 syarikat pemula yang menawarkan penyelesaian SDG yang dilatih oleh UNDP



**20,000**

kit ujian dan 5000 pakaian pelindung diri kepada penjara Malaysia (UNODC)



**Lebih daripada  
4,300**

pelarian dihantar ke negara ketiga (IOM/UNHCR)



**2,000**

orang asli dilibatkan melalui geran yang diterajui komuniti (UNDP)



**7**

hospital (dua di Kuala Lumpur dan Selangor, dan lima di Sabah) menerima kelengkapan perubatan keselamatan untuk meningkatkan kapasiti wad bersalin hospital (UNICEF)



Bab 3

---

**2023**

**KEUTAMAAN UNTUK**

## 3.1

# UNSDCF 2021-2025

Sokongan dan program PBB akan terus menyokong Kerajaan dan mereka yang tinggal di Malaysia, berpanduan empat keutamaan strategik yang telah ditetapkan – Manusia, Planet, Kemakmuran dan Keamanan – untuk membolehkan dan mempercepat pencapaian SDG. Keutamaan ini akan dipandu, seperti sebelum ini, oleh UNSDCF, seperti yang diringkaskan dalam grafik di bawah.



Sepanjang tahun 2022, PBB bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia tentang pemakaian rasmi teks UNSDCF akhir, dan teks ini dijangka akan diluluskan pada 2023. Dari segi operasi, pencapaian UNCT melalui agensi, dana dan programnya telah dibimbing oleh UNSDCF sejak permulaan tempoh pelaksanaannya pada 2021.

## 3.2

# Pelan pelaksanaan agensi PBB untuk 2023 dan seterusnya

Pelan kerja agensi PBB, dan aktiviti pelaksanaan seterusnya pada 2023 akan dipacu oleh Dokumen Program Negara dan pelan ini telah tersedia untuk agensi utama, dan oleh pelan yang diselaraskan oleh UNSDCF untuk agensi lain.

Bagi keluarga PBB, tahun yang akan datang akan menandakan pencapaian penting kerana melambangkan separuh lagi perjalanan ke arah 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampar. Ini diiktiraf oleh beberapa aktiviti strategik utama yang dirancang dengan kerjasama Kerajaan dan pihak berkepentingan lain. Aktiviti ini termasuk penerbitan Fasa II Pelan Hala Tuju SDG ke 2025, yang menawarkan pelan tindakan untuk melaksanakan matlamat di Malaysia; dan memperkenalkan Dana Amanah SDG Malaysia-PBB yang amat berpotensi untuk memberikan kesan yang ketara dalam kehidupan golongan yang paling rentan di dalam negara, mereka yang tidak dapat mengakses perkhidmatan asas, dan mereka yang berisiko tertinggal.

Dalam rancangan agensi, keutamaan jangka pendek menyeluruh kekal untuk memastikan pemulihan berterusan negara daripada pandemik dalam konteks global yang tidak menentu. Usaha perancangan program dan sokongan akan ditumpukan kepada membolehkan trajektori pembangunan yang terangkum dan mampar alam sekitar. Aktiviti utama termasuk: usaha untuk menjelaskan baki defisit pandemik, terutamanya berkaitan dengan kemiskinan dan cabaran yang dihadapi oleh keluarga dan kanak-kanak rentan; mengukuhkan perlindungan sosial dan daya tahan penduduk terhadap kejutan; menggalakkan dan memantau pelaksanaan standard hak asasi manusia antarabangsa yang berkesan di peringkat kebangsaan; mengukuhkan kapasiti orang asli Sabah dan Sarawak; menggalakkan ekonomi terangkum melalui penambahbaikan pasaran buruh dan keuntungan produktiviti melalui perubahan teknologi; membantu melindungi golongan rentan, termasuk pelarian dan pendatang; menegakkan hak asasi manusia dan menyokong perpaduan sosial Malaysia, mengikuti agenda Malaysia MADANI Kerajaan; dan yang penting, membantu menangani tiga krisis alam sekitar - kemerosotan dan pencemaran, kecemasan iklim dan kehilangan biodiversiti.

# Akronim

---

RMK12	Rancangan Malaysia ke-12
CFSMP	Pelan Induk Central Forest Spine
DELIMA	Inisiatif Pembelajaran Pendidikan Digital Malaysia
DFA	Penilaian Kewangan Pembangunan
IMM	Pengukuran dan Pengurusan Impak
INFF	Rangka Kerja Pembiayaan Nasional Bersepadu
IOM	Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi
ITC	Pusat Perdagangan Antarabangsa
KM <sup>2</sup>	Kilometer persegi
KPM	Kementerian Pendidikan
NPOP	Dasar Warga Emas Negara
NQP	Dasar Kualiti Kebangsaan
OHCHR	Pejabat Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Hak Asasi Manusia
PEKERTI	Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
UN RCO	Pejabat Penyelaras Residen PBB
UNSDCF	Rangka Kerja Kerjasama Pembangunan Mampan PBB
UN-Habitat	Program Penempatan Semula Manusia PBB
UNCDF	Dana Pembangunan Modal PBB
UNCT	Pasukan Negara PBB
UNDP	Program Pembangunan PBB
UNEP	Program Alam Sekitar PBB
UNFPA	Dana Penduduk PBB
UNHCR	Pesuruhjaya Tinggi PBB untuk Pelarian
UNICEF	Dana Kanak-Kanak PBB
UNIDO	Pertubuhan Pembangunan Industri PBB
UNODC	Pejabat PBB untuk Dadah dan Jenayah
VNR	Kajian Kebangsaan Sukarela tentang Kemajuan SDG
WAO	Pertubuhan Pertolongan Wanita
WFP	Program Makanan Sedunia
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

**Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu**

Aras 10, Menara PjH,  
2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2,  
62100 Putrajaya, Malaysia  
Tel : +(603) 8689 6000  
Fax : +(603) 8881 0458

[malaysia.un.org](http://malaysia.un.org)

---

 UnitedNationsMalaysia |  UNinMalaysia |  unitednationsmy

 United Nations in Malaysia |  UN in Malaysia, Singapore & Brunei Darussalam